



# Karnival Ponggal 1 Malaysia

semarakkan semangat perpaduan

Lebih 500 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) berbagai bangsa menyertai pertandingan memasak Ponggal sempena penganjuran Karnival Ponggal 1 Malaysia anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian, Kelab 1 Malaysia dan Majlis Perwakilan Mahasiswa dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) pada 26 Mac 2011 yang lalu.

Karnival bertemakan 'Satu Ponggal satu Integrasi' diadakan bagi mempamerkan keunikan perayaan masyarakat India di Malaysia dan menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan warga universiti.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin yang mewakili Naib Canselor Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, karnival ini adakan untuk mewujudkan kesedaran tentang keunikan budaya India serta menyemai perpaduan dan nilai pengetahuan budaya warga kampus UMP.

"Pelajar UMP berpeluang untuk mengetahui cara memasak ponggal mengikut adat resam masyarakat India, melukis kolam, menganyam thoranam dan memecahkan belanga ponggal serta menyaksikan pelbagai persembahan menarik sepanjang karnival berlangsung.

"Di samping itu, karnival ini diharapkan akan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan pelajar UMP dan menanamkan sikap positif untuk menjalankan aktiviti kebudayaan secara bersama tanpa sebarang prasangka," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, kita patut merasa bangga kerana telah memainkan peranan dalam merealisasikan konsep 1 Malaysia yang disulami rasa hormat dan percaya

terhadap satu sama lain selain dapat mengeratkan lagi hubungan kekitaan di kalangan masyarakat kampus.

Beliau turut berpeluang menyertai acara memasak Ponggal beramai-ramai disertai 400 pelajar di Dataran Mekanikal UMP Gambang.

Sementara itu, Pengarah Program Yohenthiran Selvarajah berkata, perayaan Ponggal disambut dengan memasak ponggal yang hingga melimpah yang dikenali sebagai ponggal dalam bahasa Tamil.

Beliau berkata, mengikut tradisi masyarakat India, Ponggal perlu dimasak sehingga melimpah yang menggambarkan maksud limpahan kehidupan yang lebih baik, kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan.

Seorang peserta jurusan Mekatronik dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Pengurusan Teknologi (FKPPT), Muhammad Noor Khairullah Anuar Sardy, 20, berkata beliau buat pertama kalinya mencuba memasak Ponggal yang mengandungi susu, beras dan kismis.

Rakannya, Wong Kok Keen, 20, berasa seronok dengan pengalamannya memasak bersama ahli kumpulan bagi memastikan susu yang dimasak cepat mendidih dan melimpah.

Sebanyak 100 pot disediakan setiap kumpulan yang terdiri daripada empat peserta dalam pertandingan bertemakan 1 Malaysia yang julung kali diadakan ini.

Pengunjung yang hadir turut berpeluang menyaksikan persembahan kebudayaan India seperti Urumi Melam, Seni Klasik Bharatha-natyam dan tarian 1 Malaysia melibatkan kebudayaan Melayu, India dan Cina.

